



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	9/10/2019	MUKA SURAT	:	16
JABATAN	:	BMG / JMG			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Henti segera operasi kuari haram

SAUDARA PENGARANG,

SAYA cukup kecewa dengan sikap tidak tegas kerajaan Pulau Pinang terhadap operasi kuari haram yang terletak berdekatan Empangan Teluk Bahang. Difahamkan kerajaan negeri mengetahui akan kewujudan kuari haram itu sejak 2016 tetapi tindakan yang dibuat hanya mengeluarkan notis peringatan.

Terbaharu, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mengeluarkan notis berhenti kerja pada Februari dan Mei tahun ini tetapi syarikat

terbabit terus menjalankan kerja-kerja kuari seperti biasa.

Ini adalah amat menghairankan kerana pihak kerajaan tidak bertindak dengan lebih tegas walaupun operator kuari tidak mematuhi perintah berhenti kerja dan melanggar semua peraturan sedia ada.

Sebahagian kawasan operasi kuari haram berkenaan adalah terletak di tapak berbukit melebihi 76 meter, yang bertentangan dengan Rancangan Struktur Pulau Pinang terutamanya untuk kegiatan melibatkan kuari dan penggunaan bahan letupan.

Kenapa operator kuari bebas melakukan aktiviti haram yang menjejaskan alam sekitar selama bertahun-tahun? Ini menimbulkan persoalan yang serius.

Kegagalan kerajaan Pulau Pinang mengambil tindakan tegas dan cepat dengan jelas menggambarkan kecuaihan pihak berkenaan. Operator kuari seharusnya didakwa di mahkamah dan dikenakan hukuman berat, bukannya dibenarkan terus beroperasi.

S. BALA
Seberang Perai